

**SEBUTAN BAHASA MELAYU BAKU  
DALAM KALANGAN PENUTUR  
SATU KAJIAN KES**

**AHMAD BIN OMAR**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2006**

**SEBUTAN BAHASA MELAYU BAKU  
DALAM KALANGAN PENUTUR  
SATU KAJIAN KES**

**AHMAD BIN OMAR  
M 2004 1000 171**

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
BAHASA MELAYU**

**FAKULTI BAHASA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**APRIL 2006**



**PENGAKUAN**

Bahawa saya mengaku sesungguhnya tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan catatan sumbernya

07 April 2006

.....  
AHMAD BIN OMAR  
M 2004 1000 171

## PENGHARGAAN

Dengan nama ALLAH Yang Maha Pengasih dan Penyayang

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyempurnakan penulisan tesis ini.

Sekalung terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang membantu dalam usaha menyempurnakan penulisan tesis ini terutamanya:

Pensyarah dan penyelia projek ini Professor Abdullah Bin Hassan yang memberi bimbingan dengan penuh tekun dan sabar. Kesudian beliau meluangkan masa dan tenaga menyemak kajian ini amat dihargai. Segala tunjuk ajar dan pandangan yang membina daripada beliau adalah ilmu yang berguna kepada saya yang akan dikenang sepanjang hayat.

Kepada keluarga tercinta yang sentiasa memberikan dorongan, galakan dan sokongan, Semoga segala bentuk pengorbanan mereka mendapat rahmat daripada ALLAH Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, kepada rakan-rakan seperjuangan yang memahami hati budi dan matlamat bersama.

Terima kasih kepada semua.

Ahmad Bin Omar  
Program Sarjana Pendidikan  
Bahasa Melayu  
UPSI 2004/2005

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan melalui kaedah kajian kes berbentuk analisis dan kajian kepustakaan. Kajian ini melibatkan sampel yang terdiri daripada 28 orang responden Tingkatan 4 Pengajian Kejuruteraan Elektrik 2 di Sekolah Menengah Teknik Dungun, KM 5, Jalan Paka, 23000 Dungun, Terengganu.

Kajian kes difokuskan terhadap aspek sebutan bahasa Melayu baku responden melalui sesi pembentangan tugas yang diberikan oleh pengkaji. Pembentangan responden dirakam dan dianalisis mengikut bunyi sebutan berdasarkan **Daftar Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu** terbitan **Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991**. Kajian Kepustakaan pula dilakukan untuk mencari fakta-fakta yang relevan untuk menyokong dapatan dan kajian kes.

Hasil kajian membuktikan terdapat hubungan yang signifikan antara kelemahan sebutan responden yang disebabkan oleh pengaruh dialek tempatan, kelemahan sebutan yang disebabkan proses peleburan terhadap setengah-setengah perkataan dan kelemahan sebutan kata-kata pinjaman terutamanya daripada bahasa Inggeris.

Dalam bab 1, pengkaji menyatakan pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan-soalan kajian, kepentingan kajian serta batasan kajian. Bab 2 pula merupakan kajian kepustakaan yang merupakan tinjauan literatur yang berkaitan sama ada kajian tempatan mahupun kajian luar negara yang berkaitan aspek kajian.

Dalam bab 3, pengkaji menyatakan reka bentuk kajian, populasi dan sampel, alat kajian, prosedur pengumpulan data serta prosedur menganalisis data yang berkaitan. Menerusi bab 4, pengkaji melakukan analisis kesilapan sebutan dalam kalangan responden sewaktu pembentangan tugas secara lisan. Penganalisan data ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian yang dikemukakan dalam bab 1.

Akhirnya dalam bab 5, pengkaji membicarakan rumusan kajian yang dijalankan disamping mengemukakan cadangan serta saranan untuk memperbaiki aspek sebutan dalam kalangan responden demi memperbaiki keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kemahiran lisan atau sebutan bahasa Melayu di sekolah menengah.

## ABSTRACT

This study was done through analysis and library research. This research involving samples of 28 respondents from 4 Electrical Engineering 5 at Sekolah Menengah Teknik Dungun, Km 5, of Jalan Paka, 23000 Dungun, Terengganu.

The case study focuses on Sekolah Menengah Teknik Dungun Malay language pronunciation of respondents though presentation given pronunciation of respondents through presentation given by researcher. Respondents's presentation is taped and analysed according to pronunciation based on **“Daftar Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu”** by **Dewan Bahasa dan Pustaka,1991**. Library research is done to find out the relevant facts to support the findings and case study.

The research outcome proves that there are significant relationship between weakness of respondents pronunciation caused by local dialect, weakness of pronunciation caused by regformation of certain words, and weaknesses in lending words especially from language.

In first chapter, the researcher states the problems, objective, questions, research importance and also limitation of the research. Chapter 2 is about library research which is literature observation concerning local research and foreign research.

In chapter 3, researcher states the research design, population and sample, means of research, data collection procedures and also related data analyses procedure. Within chapter 4, researcher analyses the mistakes in pronunciation among respondents analysis is done to answer questions in chapter 1.

Lastly in chapter 5, researcher talked about research summary and recommendations to improve pronunciation among respondents to enhance teaching and learning effectiveness in oral skill or Malay language pronunciation in secondary schools.

**KANDUNGAN**

	<b>HALAMAN</b>
Halaman Judul	i
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak dalam bahasa Melayu	iv
Abstrak dalam bahasa Inggeris	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual	iix
 <b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Tujuan Kajian	4
1.4 Soalan Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Batasan Kajian	6

**BAB 2: TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	8
2.2	Literatur Berkaitan	8
2.2.1	Kajian Tempatan	10
2.2.2	Kajian Luar Negara	11

**BAB 3: METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	12
3.2	Reka Bentuk Kajian	13
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	13
3.4	Alat Kajian	14
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	15
3.6	Prosedur Penganalisan Data	15

**BAB 4 : ANALISIS DATA**

4.1	Pendahuluan	16
4.2	Keputusan Kajian	18
4.2.1	Soalan Kajian 1	18
4.2.2	Soalan Kajian 2	25
4.2.3	Soalan Kajian 3	26



**BAB 5 : PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	29
5.2	Perbincangan Hasil Dapatan	30
5.2.1	Kelemahan Sebutan Hasil Pengaruh Dialek	30
5.2.2	Kelemahan Sebutan yang Berkaitan dengan Proses Peleburan Terhadap Setengah-Setengah Perkataan	35
5.2.3	Kelemahan Sebutan yang Berkaitan dengan Perkataan Pinjaman Daripada Bahasa Asing	36
5.3	Kesimpulan	40
5.4	Cadangan	39
5.4.1	Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri	39
5.4.2	Dewan Bahasa dan Pustaka	40
5.4.3	Pihak Sekolah	41
5.4.4	Rakan Guru	42
5.4.5	Pelajar	43
5.4.6	Ibu Bapa	44
5.5	Penutup	45
5.6	Pendekatan Pengajaran Sebutan Bahasa Melayu Baku	47
5.6.1	Contoh Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran	48

RUJUKAN

LAMPIRAN




**SENARAI JADUAL**

Jadual		muka surat
Jadual 4.1	Bunyi [ a ] di hujung kata yang dibunyikan dengan huruf [ e ]	17
Jadual 4.2	Bunyi [ a ] di tengah kata yang dibunyikan dengan huruf [ o ]	20
Jadual 4.3	Bunyi [ i ] di tengah kata dibunyikan dengan huruf [ e ]	21
Jadual 4.4	Bunyi [ u ] belakang dibunyikan dengan bunyi huruf [ o ]	21
Jadual 4.5	Bunyi-bunyi konsonan tunggal yang tidak tepat dalam sebutan responden	22
Jadual 4.6	Bunyi-bunyi konsonan gabung yang tidak tepat dalam Sebutan responden	24
Jadual 4.7	Kelemahan sebutan yang berkaitan dengan proses pelepasan terhadap sesetengah-sesetengah perkataan	25

Jadual 4.8 Senarai perkataan daripada bahasa asing ( bahasa Inggeris )

ke dalam bahasa Melayu

26



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bidang fonetik adalah bidang yang mengkaji fenomena bunyi bahasa (sebutan) manusia sejagat. Secara teori dan pratiknya, bidang ini mengkaji bunyi dari segi sifat bunyi tersebut, cara pengeluarannya dan aspek pendengarannya. Kajian ini memberi tumpuan terhadap kepada sebutan baku dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 Pengajian Kejuruteraan Elektrik 2 ( 4 PKE 2 ) di Sekolah Menengah Teknik Dungun, Terengganu.

Kurikulum bahasa Melayu menyediakan para pelajar menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Matlamat kurikulum bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan para pelajar dengan keterampilan berbahasa untuk berkomunikasi.

Kemahiran lisan atau bertutur merujuk kepada keupayaan para pelajar menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea secara lisan dengan sebutan dan

intonasi yang betul secara santun dan sopan. Penekanan diberikan kepada penggunaan sebutan dengan tatabahasa yang sesuai. Kemahiran lisan atau sebutan yang dipupuk adalah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek sebutan dan intonasi agar para pelajar berupaya menyampaikan sesuatu makna dengan tepat. Sebutan baku digunakan dalam situasi rasmi seperti ucapan, syarahan, perbahasan, mesyuarat, temuduga, wawancara, pengajaran dan pembelajaran dan seumpamanya.

Antara objektif akhir pengajaran dan pembelajaran kurikulum bahasa Melayu sekolah menengah yang berkaitan dengan lisan atau sebutan ialah:

- i. melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan untuk menjalin serta mengeratkan hubungan, dan berurusan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan;
- ii. menggunakan maklumat yang diperolehi untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan;
- iii. melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan secara kreatif dan berkesan.

Kini bahasa Melayu bukanlah menjadi bahasa orang-orang Melayu semata-mata, tetapi telah menjadi bahasa perantaraan penduduk negara ini yang terdiri daripada berbilang keturunan. Bahasa ini dituturkan oleh semua peringkat rakyat, baik secara formal mahupun tidak formal. Keadaan ini sudah tentu membuka kemungkinan yang seluas-luasnya terhadap pemakaian bahasa Melayu dengan pelbagai corak dan ragam, termasuk penyalahgunaan sebutan.

Kebanyakan orang menghubungkan fungsi bahasa dengan alat perhubungan semata-mata, dengan tidak memperkirakan mutu alat tersebut itu. Memang ada orang yang pemikirannya barangkali baik tetapi tidak taserlah kehebatannya itu disebabkan

gagal mengungkapkan fikirannya yang jitu itu dengan bahasa yang teratur dan gramatis. Sebagai alat menyatakan sikap, fikiran, atau kemahuan, bahasa seseorang itu dianggap cukup baik jika dapat menimbulkan pengertian, sekalipun struktur bahasa yang diujarkan itu simpang-perenang.

Natijah daripada sikap lepas tangan terhadap kemunculan pelbagai bentuk bahasa yang janggal dan berlawanan dengan fitrah bahasa kita itu ialah bahawa masyarakat sendiri akhirnya menjadi binggung, sehingga tidak tahu yang mana betul dan yang mana salah. Antara yang menjadi binggung ialah para guru. Di sekolah ditekankan pemupukan bahasa yang terkawal, sesuai dengan sifat bahasa ilmu dan bahasa orang pendidikan. Malangnya di luar sekolah (dan sekarang sedang menular di sekolah), penggunaan bahasa dalam media am dan di tempat awam meruntuhkan kebiasaan bahasa yang santun, iaitu bahasa yang beraturan.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kita hanya ada satu bahasa iaitu bahasa Melayu. Dari segi statistik, mungkin bahasa Melayu mempunyai lebih 300 juta penutur dan sebagai bahasa keempat teramai penuturnya di dunia selepas bahasa Mandarin, bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris. Namun begitu, hakikat yang perlu kita fahami dan akui ialah kewujudan bahasa Melayu ini sangat bergantung kepada kesetiaan 25 juta penutur asli di Malaysia.

Tanpa kesedaran, tanpa kerja keras, tanpa pendekatan yang betul, tanpa kesatuan hati, tanpa kerjasama sesama kita dan tanpa fokus yang tepat, bahasa Melayu mungkin hanya akan tinggal sebagai satu catatan dalam lipatan sejarah bangsa.

Kita perlu menyedari hakikat bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai pembela yang lain selain bangsa Malaysia. Disebabkan itu, usaha untuk memupuk perasaan cintakan bahasa Malaysia perlu digerakkan secara berkesan. Hasrat untuk melahirkan generasi bangsa Malaysia yang bangga dengan bahasa yang menjadi identiti mereka, mempunyai kefasihan yang tinggi dalam sebutan bahasa ini, sedia memberikan penghormatan dan kedudukan yang sewajarnya kepadanya serta gembira mempromosikan di mana sahaja mereka berada di dalam dunia.

Pengkaji merasakan perlu dilakukan kajian berkaitan pengajaran kemahiran lisan atau sebutan bahasa Melayu yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kajian mengesan hasil kemahiran tersebut dalam kalangan pelajar adalah untuk mengenal pasti masalah yang wujud agar dapat diperbaiki kelemahan yang ada. Ini amat penting demi memperbaiki kelemahan yang ada selaras dengan visi dan misi melahirkan bahasa Melayu yang mantap terutamanya dari segi fonologi dan fonetik.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menilai dan meneliti aspek sebutan bahasa Melayu baku dalam kalangan responden Tingkatan 4 Pengajian Kejureteraan Elektrik 2 (4 PKE 2) di Sekolah Menengah Teknik Dungun, Terengganu.



Hipotesis null pengkaji terhadap kelemahan sebutan bahasa Melayu dalam kalangan responden ialah:

1. terdapat kelemahan lisan atau sebutan yang disebabkan oleh pengaruh dialek daerah.
2. terdapat kelemahan lisan atau sebutan yang timbul disebabkan proses peleburan yang berlaku dari masa ke semasa, terhadap setengah-setengah perkataan.
3. terdapat kelemahan lisan atau sebutan yang berkenaan sebutan dan ejaan kata-kata pinjaman.

Data dan maklumat yang diperoleh akan dianalisis dan diharap dapat memberi manfaat kepada rakan-rakan guru untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sebutan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.

### **1.3 Soalan Kajian**

Untuk mengesan kesalahan-kesalahan sebutan dalam kalangan responden di Sekolah Menengah Teknik Dungun, Terengganu, beberapa rangkaian soalan kajian perlu dijawab terlebih dahulu.

1. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh dialek daerah dengan sebutan bahasa Melayu baku dalam kalangan responden?
2. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara proses peleburan dengan sebutan bahasa Melayu baku dalam kalangan responden?

3. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara sebutan dan ejaan kata-kata pinjaman dalam kalangan responden?

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting bagi mendapatkan gambaran dan keadaan yang sebenar sebutan bahasa Melayu baku dalam kalangan responden dan keadaan secara umumnya sebutan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di sekolah menengah. Diharapkan penyelidikan ini dapat memberikan input kepada Kementerian Pelajaran Malaysia tentang situasi sebenar sebutan bahasa Melayu baku dalam kalangan tenaga pengajar bahasa Melayu. Sejauh manakah matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu tercapai khususnya dalam kemahiran lisan. Hasil dapatan kajian ini juga dapat membantu rakan-rakan guru untuk memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran sebutan bahasa Melayu baku.

#### **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini akan dijalankan terhadap pelajar Tingkatan 4 Pengajian Kejuruteraan Elektrik 2 (4 PKE 2) yang terdiri daripada 28 orang responden di Sekolah Menengah

Teknik Dungun, Terengganu. Pelajar tugaskan membentangkan tugas dalam kumpulan secara lisan, aspek sebutan bahasa Melayu baku diberi perhatian dan rakam kemudiannya dianalisis.



## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan mengemukakan pendapat dan hasil dapatan kajian beberapa pengkaji bahasa dalam dan luar negara berkaitan dengan sebutan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah.

#### 2.2 Literatur berkaitan

Sebutan atau lisan adalah aspek kemahiran yang penting dan utama serta merupakan kemahiran asas bagi bahasa pertama yang dikuasai oleh seseorang kanak-kanak yang normal sebelum mempelajari kemahiran membaca dan menulis.

Lisan adalah ujaran atau pertuturan, iaitu suatu kegiatan melahirkan bahasa melalui suara atau sebutan menggunakan alat artikulasi sebagai pengantara apabila membuat perhubungan atau interaksi dengan orang lain.

Tujuan menguasai kemahiran bertutur atau sebutan bukan sekadar untuk mempelajari bahasa tetapi lebih penting lagi untuk mencapai tahap kompetensi dalam berkomunikasi. Kegagalan seseorang pelajar menguasai aspek sebutan menimbulkan banyak masalah kepadanya untuk memahami pertuturan orang lain. Taraf penguasaan berbahasa yang rendah juga menimbulkan kesulitan untuk berkomunikasi secara berkesan.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah menggarapkan kemahiran lisan atau sebutan sebagai berikut, "...kerja-kerja dalam pelajaran bahasa hendaklah dijalankan secara arus berurut mulai dari kerja lisan membawa kepada bertulis dan berlakon" (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1972: 1). Pada peringkat sekolah menengah atas pula, peri mustahaknya aspek kemahiran lisan atau sebutan dinyatakan dalam tujuan dan matlamat akhir pengajaran bahasa Melayu. Para pelajar diharapkan bukan sahaja dapat memahami bahasa Melayu tetapi dapat menggunakannya sebagai alat komunikasi yang berkesan dalam bentuk lisan dan tulisan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995: 5).

Di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia, khususnya negeri Terengganu, pengaruh dialek merupakan antara masalah utama yang mempengaruhi prestasi kemahiran lisan atau sebutan para pelajar. Walaupun para pelajar telah menerima pendedahan penggunaan bahasa Melayu standard sejak peringkat awal persekolahan, namun masalah dialek menimbulkan pengaruh yang negatif terhadap

penguasaan sebutan bahasa Melayu standard di sekolah (Farid M.Onn dan Ajid Che Kob, 1981: 67). Masalah ini mempengaruhi keputusan peperiksaan para pelajar khususnya dalam mata pelajaran bahasa Melayu misalnya pada peringkat PMR dan SPM. Setengah-setengah calon gagal memperoleh markah yang cemerlang semata-mata kerana terlalu melakukan banyak kesalahan bahasa (Awang Sariyan,1989: 263).

Darwis Harahap (1989: 43) dalam “Peristiwa Bahasa”, mengatakan di sekolah, bahasa daerah atau dialek masih berleluasa digunakan. Pengaruh bahasa yang digunakan oleh masyarakat dan media am. Dialek dan penggunaan bahasa asing yang berleluasa itu menyulitkan pembelajaran lisan yang seragam. Oleh itu, sebutan berdasarkan bunyi perlu dilatih berulang-ulang. Pengguna bahasa perlu menyedari kesilapannya dan cepat mengubahnya kepada sebutan yang betul.

Azman Wan Chik (1989: 208),dalam artikel “Kesalahan Bahasa Dalam bahasa Malaysia”, merumuskan bahawa kebanyakan kesilapan berpunca daripada gangguan daripada bahasa ibunda atau dialek bahasa pertuturan harian, bahasa daerah, bahasa lisan dan bahasa pasar. Gangguan ini timbul kerana tiadanya bentuk atau struktur yang serupa dalam bahasa pertama dengan bahasa yang dipelajari. Ini mengakibatkan generalisasi yang salah.

### **2.2.1 Kajian tempatan**

Menurut Farid M. Onn dalam kertas kerja yang bertajuk “Masalah Sebutan Bahasa Malaysia: Yang ini, Yang itu, atau Yang Mana” dalam Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia (1989: 79), menyatakan bahawa kesalahan-kesalahan sebutan dilakukan akibat

kejahilan atau tidak mahu memahami cara sebutan bahasa Malaysia yang sebenar. Banyak kalangan penutur mengambil sikap dingin terhadap bahasa Malaysia, dan sama sekali tidak berusaha untuk memperbaiki atau mempertingkatkan taraf penguasaan bahasa Malaysia mereka.

Menurut Abdul Hamid Mahmood dalam kertas kerja yang bertajuk “Masalah Penguasaan Bahasa Malaysia Baku Di Kalangan Pelajar” dalam Guru dan Bahasa Melayu (1997: 104), menjelaskan bahawa ujian lisan yang dilakukan terhadap pelajar-pelajar kelas persediaan (matrikulasi) yang terdiri daripada pelajar Cina, India, Melayu, Benggali, Kadazan dan lain-lain memperlihatkan ketidakseragaman dari segi sebutan. Terdapat juga pelbagai loghat daerah yang dituturkan oleh pelajar-pelajar dari Terengganu, Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan dan Johor. Pelajar-pelajar bukan bumiputra pula bertutur dalam pelat atau telor bahasa ibunda masing-masing.

### **2.2.2 Kajian luar negara**

Han Soon Juan (1976), telah meninjau kesilapan-kesilapan sebutan dalam kalangan para pelajar Hong Kong, Malaysia dan Singapura yang mengikuti kursus di Regional English Learning Centre (RELC). Beliau mendapati 56% daripada kesilapan sebutan adalah kerana para pelajar tersebut tidak dapat membezakan antara bunyi aspirasi dan bukan aspirasi. Mereka juga tidak dapat mendiskriminasikan bunyi-bunyi bersuara dan tidak bersuara.

Muhammad Haji Ibrahim (1978), mengkaji kesilapan-kesilapan yang ditulis oleh para pelajar Arab dalam bahasa Inggeris dan ketara banyak kesilapan terdapat dalam pertuturan. Ini diakibatkan wujudkan perbezaan yang jauh antara sistem bunyi bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

#### **3.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan reka bentuk kajian, populasi dan sampel, alat kajian, prosedur pengumpulan data dan prosedur menganalisis data.